



مَجْلِسُ كُتَّابِ حَاكِمِ شَرِيحِي نِجَازِ قَوْلِ لَاقِيْبِ

PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG

No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang

Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427



Rujukan kami : JKS/PP/100/ 3-19 ( 88 )

Tarikh : 27 Januari 2014  
25 Rabiulawal 1435H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah

Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah

Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar

Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan/ Puan,

## PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 2 TAHUN 2014

### PENDENGARAN KES-KES EX PARTE

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim, dan Pendaftar kepada keputusan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Bilangan 5 Tahun 2013 pada 20 Disember 2013 telah bersetuju dan memutuskan bahawa:-

1. Kes-kes Ex-parte sama ada untuk mendapatkan perintah interim ataupun injunksi akan didengar oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah sahaja dalam satu-satu masa.
2. Had masa pendengaran kes-kes tersebut adalah dalam tempoh 6 bulan secara bergilir-gilir dan berturutan di antara Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.
3. Apabila tamatnya had masa pendengaran kes-kes tersebut bagi seseorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, maka Pendaftar hendaklah mendaftarkan kes-kes tersebut di bawah kendalian Hakim Mahkamah Tinggi yang lain dan begitulah seterusnya.



SYARIAH ASAS KEADILAN

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab)

4. Pendaftaran dan pendengaran bagi kes-kes induk yang berkaitan kes-kes Ex parte hendaklah dibawah kendalian Hakim Mahkamah Tinggi Syariah yang sama.
5. Sekiranya kes induk didaftarkan terlebih dahulu dan kes Ex parte didaftarkan kemudian, maka kes induk perlu dipindahkan untuk pendengaran Hakim Mahkamah Tinggi Syariah yang ditetapkan pendengaran kes Ex parte sebagaimana para 4.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian.

**“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”**  
**“ SYARIAH ASAS KEADILAN”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATU' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN )**

Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah  
Negeri Pulau Pinang